



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**PENDAFTARAN BAGI MENDAPATKAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
PEMILIHAN CALON KE SEKOLAH ARAB (PCKSA)
TAHUN 1440H / 2019M MELALUI PERKHIDMATAN SMS**

Rabu, 23 Oktober 2019 – Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) tahun 1440H / 2019M akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara *online* atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai **hari Khamis, 24 Oktober 2019, pukul 2:00 petang**.

Pendaftaran secara *online* boleh dibuat menerusi laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama di www.kheu.gov.bn. Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip **KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON** dan hantar ke **8885555** bagi pelanggan **DST** atau **38666** bagi pelanggan **PCSB**. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan. Pelanggan akan dikenakan caj bayaran B\$1.00 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing **mempunyai baki kredit yang mencukupi**.

Melalui perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) tahun 1440H / 2019M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui e-mel: mach@machbrunei.com.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam
E-mel: bpa@mora.gov.bn

Disediakan oleh:

Bahagian Peperiksaan
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: BP / JPI / KA / 2018 (08)

Tarikh: 24 Safar 1441H / 23 Oktober 2019M